

29/11/2003

Rakyat Kedah dahagakan idea Dr M

Zaleha Zainuddin

USAHA dan inisiatif yang ditunjukkan Petronas dengan menawarkan jawatan penasihat bagi syarikat minyak negara itu kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed, amat tepat pada masanya dan sudah pasti dihargai oleh semua masyarakat, khususnya rakyat negeri Kedah.

Begitu juga peluang yang diberikan kepadanya untuk memimpin Yayasan Kepimpinan Perdana, yayasan yang ditubuhkan hasil inisiatif sektor swasta yang dipengerusikan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, untuk mengembangkan pemikiran Dr Mahathir terutama berhubung sosial, politik dan hubungan antarabangsa.

Seperti yang diketahui, Dr Mahathir bukanlah seorang yang suka membuang masa dan beliau amat cintakan ilmu pengetahuan. Hajat beliau untuk melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti sudah dilaksanakan, tetapi daripada segi pemikiran dan tindakannya masih diperlukan oleh generasi hari ini. Pemikirannya yang tajam diterima baik oleh rakyat negeri Kedah.

Kini, rakyat Kedah masih dan inginkan pemikiran dan idea daripada Dr Mahathir kerana beliau dilihat sebagai lambang Melayu yang berketrampilan dari segi penguasaan ilmu duniawi dan ukhrawi serta bersifat global, di samping mampu merencanakan sesuatu idea sehingga berjaya, berbanding pemimpin pembangkang yang hanya tahu mengkritik dan memutarbelitkan fakta untuk kepentingan diri.

Saya percaya selagi Dr Mahathir sanggup membantu Umno dan Barisan Nasional di Kedah, negeri ini tidak akan terlepas ke tangan pembangkang, khususnya Pas. Sememangnya, Pas Kedah sudah tidak berupaya menawan Kedah disebabkan kerenah birokrasi dan sikap sombong pemimpin tingginya, manakala parti Keadilan yang hanya memperjuangkan isu remeh-temeh pasti gagal menarik rakyat Kedah yang tahu membezakan antara yang realiti dengan fantasi.

Kesimpulannya, rakyat Kedah amat dahagakan idea dan pemikiran Dr Mahathir. Segala usaha dan baktinya tetap disanjung dan kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Mahathir yang amat dihormati dan disegani.

ZALEHA ZAINUDDIN
Alor Star, Kedah